

Surat Khas Mahathir

KUALA LUMPUR 21 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi menggesa ketua-ketua negara Komanwel bertindak segera mengenakan sekatan-sekatan yang tegas ke atas rejim Afrika Selatan supaya ia segera menghapuskan dasar apartheid.

Gesaan terbaru Datuk Sri Dr. Mahathir ini terkandung dalam sepucuk surat khas yang diedarkan kepada semua ketua negara Komanwel yang sedang bersidang di Nassau sejurus sebelum beliau berlepas pulang ke tanahair.

Bercakap kepada para pemberita setibanya di Lapangan Terbang Subang di sini petang ini, Perdana Menteri berkata, surat itu menjelaskan pendirian Malaysia mengenai pentingnya dikenakan sekatan segera terhadap isu Afrika Selatan itu.

Perdana Menteri menegaskan, kalau tidak diadakan sekatan, pihak Afrika Selatan tidak akan menerima segala pujuk rayu daripada seluruh dunia supaya diadakan dialog dengan pihak kulit hitam.

"Kita hendak supaya diadakan sekatan terlebih dahulu, lepas itu baru diadakan perundingan kerana semasa di Rhodesia Selatan dahulu pun macam itu juga," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

Rhodesia Selatan dahulu, jelas Perdana Menteri, dikenakan sekatan sampai ia tidak boleh melawan lagi dan kemudian barulah ia sanggup bertolak ansur.

"Jadi, saya meminta supaya semua ketua negara Komanwel menimbang soal sekatan ini ke atas Afrika Selatan," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, surat itu diedarkan kerana beliau tidak dapat mengambil bahagian dalam membuat keputusan berkenaan dengan Afrika Selatan.

"Keputusan mengenai Afrika Selatan itu masih lagi belum dicapai sewaktu saya bertolak balik dari Bahamas," kata beliau.